

07/04/1997

KUB tunggu masa sesuai masuki senarai BSKL

KUB Malaysia Bhd (KUB), bekas badan koperasi yang kini berdaftar di bawah Akta Syarikat, hanya menunggu waktu paling sesuai untuk disenaraikan di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

KUB pada Oktober lalu mendapat kelulusan Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk disenaraikan di BSKL.

Pengerusi KUB, Datuk Hassan Harun, berkata apabila disenaraikan kelak, syarikat itu akan muncul antara kumpulan syarikat terkemuka bergiat cergas dalam pelbagai bidang pelaburan di negara ini.

Antara bidang yang disertai KUB sekarang ialah kewangan, teknologi maklumat dan telekomunikasi, hartanah, perdagangan, pekilangan serta perkhidmatan.

Selain itu, KUB juga terbabit dalam bidang pendidikan dan latihan, pertanian dan pembalakan, perhotelan dan pelancongan, tenaga serta gas dan petrokimia.

"Ketika ini KUB sedang menunggu tarikh penyenaian syarikat itu di BSKL," katanya dalam satu kenyataan akhbar yang diedarkan kepada pemberita di majlis perasmian kilang KUB Tekstil Sdn Bhd oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa, di Kota Bharu Jumaat lalu, sempena lawatan kerjanya sehari ke Kelantan.

Pada majlis itu juga Perdana Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pelaksanaan projek petrokimia di Pantai Senok, Bachok antara KUB dan kerajaan Kelantan menerusi Keloil Sdn Bhd, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

KUB diwakili Hassan bersama Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor bagi pihak Umno Kelantan, manakala kerajaan Kelantan diwakili Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman dan Ketua Eksekutif PKINK Wan Zulkifle Wan Yusoff, bagi pihak Keloil.

Turut menyaksikan majlis bersejarah itu ialah Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

KUB Tekstil, anak syarikat milik penuh KUB memulakan operasinya di Pengkalan Chepa, Kelantan Ogos tahun lalu dengan pelaburan kira-kira RM7 juta bagi mendirikan kilang terbabit dengan modal berbayar RM2 juta dan modal dibenarkan RM10 juta.

Kilang yang mempunyai kira-kira 600 pekerja itu mengeluarkan pakaian kanak-kanak, pakaian sekolah berjenama Canggih serta pakaian sukan untuk eksport secara kontrak bagi jenama antarabangsa seperti Adidas dan Umbro.

Menyentuh prestasi jualan barangan keluaran syarikat itu, Hassan berkata, pihaknya menjangka tahun pertama operasinya mencapai tahap RM23 juta dan tahun depan RM28 juta.

Menurutnya, selain KUB Tekstil Sdn Bhd di Pengkalan Chepa, empat lagi kilang seumpama itu beroperasi di Bayan Lepas dan Bukit Mertajam di Pulau Pinang serta di Parit Buntar dan Ipoh di Perak yang dikendalikan MAGA Tekstil Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh KUB.

Mengenai projek pembangunan hartanah dan infrastruktur di Kelantan secara usaha sama Keloil Sdn Bhd, beliau berkata mengikut perancangan, projek itu membabitkan pembinaan sebuah kompleks petrokimia di atas tanah seluas 2,000 hektar di Patai Senok, dekat Bachok yang dijangka siap sekitar tahun 2003.

(END)